

MODUL MATEMATIK TAHUN 6

TARIKH/HARI : 01.11.2021 / Isnin
 TAJUK : Pecahan (ulangkaji)
 STANDARD KANDUNGAN : (ulangkaji)
 STANDARD PEMBELAJARAN : ulangkaji
 STANDARD PRESTASI : -
 OBJEKTIF : Murid dapat menyelesaikan masalah harian melibatkan pecahan wajar yang penyebutnya hingga 10 dengan nombor bulat dengan betul

Gunakan Buku Modul Diamond muka surat 30 atau buku latihan. Jangan cetak soalan.

CONTOH

2512 biji langsung dikongsi antara Ali, Bakar, Aman dan Doyok. Ali mendapat 620 biji langsung itu. Bakar mendapat $\frac{1}{4}$ daripada baki setelah diberi kepada Ali. Aman pula mendapat $\frac{1}{3}$ daripada baki setelah diberi kepada Ali dan Bakar. Doyok mendapat selebihnya. Siapakah yang mendapat paling banyak langsung ?

Langkah pengiraan.

$$2512 - 620 = 1892$$

$$\frac{1}{4} \times 1892 = 473$$

$$1892 - 473 = 1419$$

$$\frac{1}{3} \times 1419 = 473$$

$$1419 - 473 = 946$$

Jumlah buah langsung yang diperolehi ;

$$\text{Ali} = 620$$

$$\text{Bakar} = 473$$

$$\text{Aman} = 473$$

$$\text{Doyok} = 946$$

Doyok mendapat paling banyak buah langsung.

Jawab semua soalan. Jawapan hendaklah ditulis dengan jelas. Tunjukkan langkah-langkah

60	1 160 biji manggis dikongsi antara Suraya, Suhana, Dayang dan Delena. Suraya mendapat 232 biji manggis itu. Suhana mendapat $\frac{1}{4}$ daripada baki setelah diberi kepada Suraya. Dayang pula mendapat $\frac{1}{3}$ daripada baki setelah diberi kepada Suraya dan Suhana. Delena mendapat selebihnya. Siapakah yang mendapat paling banyak manggis ?
61	Sebuah kandang ternakan mempunyai 16 ekor kerbau dan 28 ekor lembu. $\frac{3}{4}$ daripada bilangan kerbau dan $\frac{1}{2}$ daripada bilangan lembu itu adalah betina. $\frac{1}{2}$ daripada bilangan yang betina itu disembelih. Berapakah baki kesemua ternakan yang tinggal ?
62	$\frac{1}{6}$ daripada 360 biji rambut telah dimakan. Baki dibahagikan sama banyak kepada lima orang murid perempuan. Berapakah bilangan rambut setiap murid dapat ?